

PENJENAMAAN SEMULA PENGUATKUASAAN PERMIT PEMINDAHAN
BAHAN BATUAN MELALUI INISIATIF PENGUATKUASAAN
BERASASKAN INOVASI

AMIR FADLI BIN MOHAMED HALMI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENJENAMAAN SEMULA PENGUATKUASAAN PERMIT PEMINDAHAN
BAHAN BATUAN MELALUI INISIATIF PENGUATKUASAAN
BERASASKAN INOVASI

AMIR FADLI BIN MOHAMED HALMI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2019

DEDIKASI

Buat bonda kunci syurgaku – Badariah binti Othaman;
buat ayahanda yang menjadi idolaku – Mohamed Halmi bin Azam;
buat cinta hatiku – Nor Fadzilah binti Noor Mohd Taib;
anak-anak tersayang – Asyraff, Ayesha, Alayna dan di dalam perut mama;
kalian sentiasa menjadi Bab Pertama di dalam nukilan hidup ini

PENGHARGAAN

Syukur dan alhamdulillah dengan limpah rezeki dan taufik hidayah daripada Allah SWT maka projek sarjana ini dapat disiapkan. Semoga usaha yang telah dicurahkan melalui kajian ini dapat dimanfaatkan oleh bakal pengkaji yang ingin memajukan diri melalui penerokaan badan ilmu penguatkuasaan undang-undang seterusnya mendapat keberkatan daripada Allah SWT jua hendaknya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia khususnya Fakulti Alam Bina dan Ukur di atas peluang yang berharga sepanjang pengajian ini. Jutaan penghargaan saya adalah milik penyelia, Dr. Ainur Zaireen binti Zainudin yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar sepanjang tempoh penulisan kajian ini. Idea hanya angan-angan tanpa tunjuk ajar sepenuh hati darinya. Tidak dilupakan juga pensyarah-pensyarah lain yang turut terlibat mencurahkan ilmu kepada saya.

Sesungguhnya penghargaan ini tidak akan lengkap tanpa mengiktiraf penglibatan, kerjasama, santunan budi, ilmu dan pengalaman yang dikongsi bersama rakan-rakan seperjuangan di Pesisir Ipoh. Buat Masta Nazri, Abam Akmal, Tuan Zehar, Tuan Jejai, Chef Shuk, Prince Elmi, Tuan Mus, Kaklong Laila, Kakngah Syaz, Kaccik Jas sepanjang pengajian MSc LAD yang diibaratkan sebagai antara kenangan terindah dalam hidup saya.

Akhir sekali ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pegawai dan kakitangan di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan responden-responden yang terlibat kerana telah memberikan kerjasama yang amat cemerlang dalam menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Ketidakpatuhan perundangan yang disebabkan oleh kelemahan strategi penguatkuasaan sentiasa menjadi dilema entiti penguatkuasa di seluruh dunia. Dalam skop pentadbiran tanah negeri Perak, kelemahan mengawal kes pelanggaran syarat pemindahan bahan batuan akan memberi impak kepada kutipan royalti dan defisit integriti serta kepercayaan awam. Bermula tahun 2014, pentadbiran tanah negeri Perak telah merevolusikan kaedah penguatkuasaan yang selari dengan model penguatkuasaan moden bagi menjenamakan semula bidang penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C). Melalui pelbagai inovasi yang dilaksanakan, pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diterima di peringkat negeri dan kebangsaan. Maka kajian ini dilaksanakan berdasarkan dua objektif iaitu mengenalpasti penambahbaikan yang berjaya dilaksanakan melalui inovasi penguatkuasaan Permit 4C, dan seterusnya mengenalpastikan faktor-faktor kejayaan inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi sebagai objektif kedua. Metodologi pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual separa struktur terhadap para responden berdasarkan penetapan objektif kajian. Pemilihan responden seramai 10 orang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam hierarki pengawalan industri pemindahan bahan batuan di negeri Perak. Penyataan data mentah telah ditranskripkan telah dikaji melalui kaedah analisis kandungan dan analisis domain. Pengkaji mendapati bahawa terdapat enam penambahbaikan utama penguatkuasaan Permit 4C yang berdasarkan inovasi. Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor kejayaan inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi adalah disumbangkan oleh tiga faktor utama atau domain iaitu maklumat, hukuman dan penguatkuasaan pintar yang dioperasikan pada tahap tertinggi melalui penggunaan sumber penguatkuasaan yang maksimum oleh agensi penguatkuasa. Kajian ini turut mencadangkan Piramid Model Penguatkuasaan Responsif Penguatkuasaan Permit 4C Negeri Perak yang tersendiri serta beberapa tindakan pemerkasaan penguatkuasaan menuju horizon baru penguatkuasaan pintar di Malaysia.

ABSTRACT

The non-compliance of law caused by weak enforceability and enforcement actions has always been the dilemma of enforcer entities worldwide. In the scope of the Perak land administration, the weaknesses in controlling the non-compliance and breach of condition of the Permit to Remove Rock-Material will affect the State Authority in terms of impairment of royalty collection and deficit in both integrity and public trust. Through 2014, the Perak land administration has taken steps to revolutionize the enforcement methods in line with modern enforcement models as an enforcement rebranding strategies regarding Permit to Remove Rock-Material (4C Permit). Through various innovations, multiple achievements and recognitions have been successfully gained at state and national level. Thus, this study was conducted based on two objectives namely to identify the successful improvements through the implementation of innovations in 4C Permit, and identifying the success factors of the re-branding program for 4C Permit regulatory via the innovation-based enforcement initiative as the second objective. Data collection methodology was carried out through document analysis and semi structured interviews to respondents based on the objectives of the study. Selection of 10 respondents are among those who are directly involved in the rock material transfer industry regulation hierarchy in Perak. Raw data statement during interviews are transcribed and analyzed using content analysis and domain analysis method. Researcher conclude that there are six major improvements in 4C Permit regulatory based on innovations. Research findings also state that the success factor of innovation-based enforcement initiatives was contributed by three main factors or domains, namely intelligence, punishment and smart enforcement operated at the highest level through maximizing enforcement resources by the agency. This study also proposes Perak's first Responsive Regulatory Enforcement Model Pyramid for 4C Permit regulatory and several crucial towards the new horizon of smart enforcement in Malaysia.

ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Matlamat Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.6.1	Pihak PTG & PDT	7
1.6.2	Orang Awam	8
1.6.3	Pihak Berkuasa Negeri & Kerajaan Persekutuan	8
1.7	Susunatur Bab	9
1.7.1	Bab Satu – Pengenalan	9
1.7.2	Bab Dua – Kebolehlaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang	9
1.7.3	Bab Tiga – Metodologi Kajian	10
1.7.4	Bab Empat – Penguatkuasaan dan Inovasi Permit 4C Negeri Perak	10

1.7.5	Bab Lima – Analisis Kajian	11
1.7.6	Bab Enam – Kesimpulan dan Cadangan	11
BAB 2	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERMIT PEMINDAHAN BAHAN BATUAN	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Definisi Penguatkuasaan Undang-Undang	14
2.3	Definisi Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C)	15
2.4	Model Penguatkuasaan	15
2.4.1	Model Strategi Penguatkuasaan Pencegahan	16
2.4.2	Model Strategi Penguatkuasaan Kerjasama dan Perundingan	17
2.4.3	Model Strategi Penguatkuasaan Responsif	18
2.4.3.1	Piramid Penguatkuasaan Responsif	19
2.5	Amalan Penguatkuasaan Dunia – Strategi Penguatkuasaan Responsif	20
2.5.1	Pihak Berkuasa Perlindungan Alam Sekitar (EPA), Australia	20
2.5.2	Akta Peraturan Penguatkuasaan dan Hukuman 2008, United Kingdom	22
2.5.3	Jabatan Hasil Dalam Negeri New Zealand	24
2.6	Isu dan Masalah Penguatkuasaan Permit 4C Dalam Pentadbiran Tanah Malaysia	26
2.7	Faktor Kejayaan Penguatkuasaan Berkesan	27
2.7.1	Penguatkuasaan Strategik Berdasarkan Maklumat dan Risiko	29
2.7.2	Kekuatan Perundangan Dan Hukuman Punitif	30
2.7.3	Penguatkuasaan Pintar	31
2.8	Rumusan	32
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	33
3.1	Pendahuluan	33
3.2	Pendekatan Kajian	33
3.3	Peringkat-Peringkat Utama Kajian	34
3.3.1	Peringkat Kajian Awalan	34

3.3.2	Peringkat Kajian Literatur	35
3.3.3	Peringkat Pengumpulan Data	35
3.3.4	Peringkat Analisis Data	35
3.3.4.1	Objektif Pertama	36
3.3.4.2	Objektif Kedua	36
3.3.5	Peringkat Kesimpulan dan Cadangan	36
3.4	Strategi Kajian	37
3.4.1	Kaedah Pengumpulan Data	38
3.4.1.1	Data Primer	38
3.4.1.2	Data Sekunder	39
3.4.1.3	Responden	39
3.4.2	Kaedah Analisis Data	41
3.4.2.1	Analisis Dokumen	41
3.4.2.2	Analisis Kandungan	42
3.4.2.3	Analisis Domain	43
3.5	Rumusan	43
BAB 4	PENGUATKUASAAN DAN INOVASI PERMIT 4C NEGERI PERAK	46
4.1	Pendahuluan	46
4.2	Latarbelakang Industri Bahan Batuan di Negeri Perak	46
4.2.1	Data Asas Permit 4C Negeri Perak	47
4.2.2	Data Anggota Penguatkuasa Pentadbiran Tanah	50
4.3	Syarat, Kesalahan dan Penalti Permit 4C di Negeri Perak	51
4.4	Isu-Isu Utama Ketidapatuhan Permit 4C Negeri Perak	54
4.4.1	Kesalahan Eksport Bahan Batuan Keluar Negeri Perak	55
4.4.2	Kesalahan-Kesalahan Lain	58
4.4.2.1	Pemindahan Bahan Batuan Tanpa Menggunakan Doket	58

4.4.2.2	Operasi Pemindahan Bahan Batuan Di Luar Waktu Yang Dibenarkan	60
4.4.2.3	Cabaran Penguatkuasaan Disebabkan Oleh Penglibatan Pihak Tonto	61
4.5	Inovasi dan Penguatkuasaan Permit 4C Negeri Perak	62
4.5.1	Pusat Kawalan Penguatkuasaan ‘Command Centre’	66
4.5.2	Pelaksanaan Operasi Bersepadu ‘OPS K3’	68
4.5.3	Pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Mineral (SPSM) dan ‘e-Report’	70
4.5.4	Semakan Audit Pematuhan Permit 4C	73
4.5.5	Penubuhan Pasukan Elit ‘Flying Squad’ dan Skwad Intipan	75
4.6	Rumusan	76
BAB 5	ANALISIS KAJIAN	78
5.1	Pendahuluan	78
5.2	Penambahbaikan Penguatkuasaan Permit 4C di Negeri Perak	78
5.2.1	Penubuhan <i>Command Centre</i>	81
5.2.2	Operasi Bersepadu ‘OPS K3’	83
5.2.3	Pembangunan Sistem Pengurusan Bahan Mineral (SPSM) dan Sistem e-Report	85
5.2.4	Pekeliling PTG Bil. 3/2015 Sebagai Medium Penyeragaman Syarat dan Penalti	88
5.2.5	Inisiatif Semakan Audit Pematuhan Permit 4C	89
5.2.6	Penubuhan Unit Khas Elit iaitu Skwad Intipan dan Flying Squad	92
5.3	Faktor-Faktor Kejayaan Program Penjenamaan Semula Penguatkuasaan Permit 4C Melalui Inisiatif Penguatkuasaan Berasaskan Inovasi	93
5.3.1	Maklumat	96
5.3.2	Hukuman	98
5.3.3	Penguatkuasaan Pintar	101
5.4	Rumusan	104

BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	107
6.1	Pendahuluan	107
6.2	Penemuan Kajian	107
6.2.1	Penemuan Objektif Pertama	108
6.2.2	Penemuan Objektif Kedua	110
6.3	Cadangan Kajian	113
6.3.1	Pemeriksaan elemen pematuhan sukarela melalui inovasi auditan sendiri pematuhan syarat dan peraturan Permit 4C di seluruh negeri Perak	113
6.3.2	Perluasan elemen inovasi penguatkuasaan pintar kepada pelbagai aplikasi bidang penguatkuasaan baru seperti langgar syarat tanah, LMS, Lesen Ruang Udara (Papan Tanda) dan Lesen Air	114
6.3.3	Perluasan kepada agensi dan negeri lain di Malaysia	114
6.4	Limitasi Kajian	115
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	116
6.6	Penutup	116
	RUJUKAN	118

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 2.1	Senarai pengkaji, penemuan dan tema bagi permasalahan pelaksanaan penguatkuasaan di pentadbiran Tanah Malaysia	26
Jadual 3.1	Senarai responden bagi objektif pertama	40
Jadual 3.2	Senarai responden bagi objektif kedua	40
Jadual 4.1	Kadar Royalti Bahan Batuan Utama di Negeri Perak	50
Jadual 4.2	Kategori Kesalahan Pelanggaran Syarat	53
Jadual 4.3	Data kutipan royalti bahan batuan bagi tempoh 2012-2018.	70
Jadual 4.4	Bilangan kes pelanggaran syarat bagi tempoh 2012-2018	76
Jadual 5.1	Peringkat perundingan, penerangan dan khidmat nasihat dalam pelaksanaan inovasi penguatkuasaan Permit 4C	90
Jadual 5.2	Kekerapan pernyataan data mentah melibatkan domain yang dipersetujui oleh responden	94
Jadual 5.3	Hasil analisis domain untuk data temu bual berkenaan faktor kejayaan inovasi penguatkuasaan Permit 4C di negeri Perak	95
Jadual 5.5	Hasil analisis domain untuk data temu bual berkenaan faktor kejayaan inovasi penguatkuasaan Permit 4C di negeri Perak	96
Jadual 5.6	Hasil analisis domain untuk data temu bual berkenaan faktor kejayaan inovasi penguatkuasaan Permit 4C di negeri Perak	99
Jadual 5.6	Hasil analisis domain untuk data temu bual berkenaan faktor kejayaan inovasi penguatkuasaan Permit 4C di negeri Perak	102
Jadual 6.1	Korelasi antara Objektif 1 dan Objektif 2	112

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 2.1	Piramid Penguatkuasaan Responsif Ayres and Braithwaite (1992)	19
Rajah 2.2	Piramid Penguatkuasaan Responsif EPA Australia	21
Rajah 2.3	Piramid Penguatkuasaan Responsif Akta Peraturan Penguatkuasaan dan Hukuman 2008.	23
Rajah 2.4	Piramid Penguatkuasaan Responsif Jabatan Hasil Dalam Negeri New Zealand.	25
Rajah 2.5	Model <i>Intelligence-Led Policing</i> .	30
Rajah 3.1	Carta Alir Kajian	37
Rajah 4.1	Kutipan Royalti Permit 4C Mengikut Daerah Tahun 2018 dan Kawasan Tumpuan Permit 4C (Pasir Lombong)	48
Rajah 4.2	Bilangan Permit 4C Mengikut Daerah	49
Rajah 4.3	Bilangan Anggota Penguatkuasa Mengikut Daerah	51
Rajah 4.4	Modus operandi kegiatan pemindahan bahan batuan keluar negeri Perak tanpa kebenaran yang sah.	56
Rajah 4.5	Kawasan titik panas laluan pengeksportan haram bahan batuan	57
Rajah 4.6	Antara gambar yang berjaya dirakamkan menunjukkan lori yang melintasi sempadan dipercayai tanpa kebenaran dan Permit K3 yang sah.	58
Rajah 4.7	Doket pemindahan bahan batuan di negeri Perak	59
Rajah 4.8	Antara lori yang ditahan kerana beroperasi awal pagi dan lewat malam.	61
Rajah 4.9	Individu dan kenderaan yang disyaki sebagai tonto di Daerah Batang Padang.	61
Rajah 4.10	Garis masa sebelum dan selepas inovasi serta pengiktirafan yang diterima.	62
Rajah 4.11	Sesi pembentangan amalan terbaik dalam Mesyuarat JITU Kebangsaan.	64
Rajah 4.12	Inovasi penguatkuasaan telah dinobatkan sebagai johan kebangsaan tahun 2016.	64

Rajah 4.13	Logo PTG Command Centre.	66
Rajah 4.14	Bilik operasi PTG Command Centre yang diwujudkan di PTG Perak	67
Rajah 4.15	Rangkaian Operasi Bersepadu OPS K3.	68
Rajah 4.16	Aktiviti penguatkuasaan berbilang agensi dapat dijalankan serentak.	69
Rajah 4.17	Sistem eReport yang dibangunkan oleh Bahagian Penguatkuasa PTG Perak.	72
Rajah 4.18	Elemen Penjimatan Masa setelah inovasi dilaksanakan.	73
Rajah 4.19	Perbezaan pematuhan syarat muatan rata bahan batuan selepas inisiatif pengauditan tapak dilaksanakan.	74
Rajah 5.1	Penambahbaikan penguatkuasaan Permit 4C yang telah dikenalpasti	80
Rajah 6.1	Infografik amalan dan prosedur operasi standard penguatkuasaan Permit 4C di Perak	108
Rajah 6.2	Piramid Penguatkuasaan Responsif Pentadbiran Tanah Negeri Perak adaptasi Ayres and Braithwaite (1992)	110
Rajah 6.3	Faktor kejayaan penjenamaan semula penguatkuasaan Permit 4C di negeri Perak	111

SENARAI SINGKATAN

AIMB	-	Anugerah Inovasi Menteri Besar
AIPM	-	Anugerah Inovasi Perdana Menteri
ATO	-	<i>Australian Taxation Office</i>
Bil	-	Bilangan
ECIM	-	<i>European Criminal Intelligence Model</i>
EU	-	Kesatuan Eropah
EPA	-	Pihak Berkuasa Perlindungan Alam Sekitar
EXCO	-	<i>Executive Council</i>
HM	-	<i>Her Majesty</i>
ILP	-	<i>Intelligence-Led Policing</i>
JITU	-	Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
JPJ	-	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
KIK	-	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
KM	-	Kilometer
KTN	-	Kanun Tanah Negara
LBRO	-	<i>Local Better Regulation Office</i>
LHDN	-	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MB Inc	-	Perbadanan Menteri Besar
MITC	-	Melaka International Trade Centre
MMK	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPIPA	-	Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam
NBOS	-	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
OKT	-	Orang Kena Tuduh
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
P&P	-	Pengurusan dan Profesional
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PLUS	-	Projek Lebuhraya Utara Selatan

PPT	-	Penolong Pegawai Tanah
PTG	-	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
QR	-	<i>Quick Response</i>
RM	-	Ringgit Malaysia
SOP	-	Prosedur Operasi Standard
SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPSM	-	Sistem Pengurusan Sumber Mineral
SWT	-	<i>Subhanu Wata'ala</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
Lampiran A	Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Bil.3/2015	121
Lampiran B	Kategori Kesalahan dan Penetapan Penalti Berdasarkan Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Bil.3/2015	134
Lampiran C	Senarai Semak Audit Pematuhan Berdasarkan Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Bil.3/2015	136
Lampiran D	Soalan Temu Bual Separa Struktur Terhadap Responden	138

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Negeri Perak mempunyai hasil mahsul bahan batuan yang pelbagai antaranya pasir sungai, pasir lombong, tanah merah, tanah liat dan lain-lain. Data daripada Mesyuarat Pentadbir Tanah Negeri Perak Bil. 3/2018 menunjukkan bahawa royalti hasil yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri melalui aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan pada tahun 2017 mencecah RM80 juta setahun. Penyumbang utama terhadap royalti bahan batuan ini adalah daripada pengeluaran Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) Pasir Lombong di bawah Seksyen 70 Kanun Tanah Negara. Maka, sumber asli bahan batuan ini merupakan satu anugerah alam yang menjadi komoditi yang sangat berharga di negeri Perak.

Menurut Zain (2013), perkembangan industri perlombongan pasir menyumbangkan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha pasir serta pihak kerajaan. Jika dilihat dari perspektif kebangsaan, negeri Perak merupakan pengeluar utama pasir bagi tujuan pembinaan di Malaysia iaitu sebanyak 30% daripada jumlah pengeluaran tahunan kebangsaan (Echo, 2016). Pengusaha atau operator yang terlibat di dalam industri pasir ini dapat menjadikan industri ini sebagai medium penjanaan pendapatan manakala di pihak kerajaan, Pihak Berkuasa Negeri dapat mengutip cukai dalam bentuk royalti bahan batuan bagi tujuan pelaksanaan pembangunan dan belanja mengurus (Zain, 2013).

Situasi menang-menang ini dapat memberi impak positif kepada peningkatan ekonomi sesebuah negeri dan negara amnya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan yang meliputi keseluruhan industri perlombongan pasir ini seharusnya mengambil kira aspek kawalan, urus tadbir dan penjagaan lombong pasir bagi menjamin kelestarian yang berterusan untuk masa yang akan datang. Maka di sinilah hadirnya

keperluan penguatkuasaan undangundang bagi mengawal aktiviti pemindahan pasir melalui peruntukan Seksyen 426 Kanun Tanah Negara.

Bahagian Penguatkuasa Pentadbiran Tanah adalah entiti yang sinonim dengan persepsi dan mentaliti negatif. Ianya dimangkinakan dengan pelbagai isu tempatan dan dalam negara berkaitan ketidakupayaan serta ketidakpatuhan di dalam pemantauan kedaulatan undang-undang kawalan Permit Pemindahan Bahan Batuan. Norma kerja dan faktor rintangan persekitaran tempat kerja yang menjadi ruang lingkup penguatkuasaan turut membuatkan tugas sebagai seorang anggota penguatkuasa tidak kurang mencabar. Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah berperanan penting dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang tanah iaitu Kanun Tanah Negara.

Permasalahan utama yang menjadi daya pencetus kepada pelaksanaan inovasi penguatkuasaan di pentadbiran tanah negeri Perak ialah isu kecurian pasir serta laporan ketirisan hasil royalti bahan batuan yang menjangkau sehingga RM 10 juta setahun pada tahun 2013 telah memberikan impak yang relevan terhadap mentaliti dan persepsi negatif tugas anggota penguatkuasa di Bahagian Penguatkuasa, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak. Maka, kajian ini akan mengfokuskan kepada pelaksanaan inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) yang telah dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh negeri Perak melalui inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi. Penambahbaikan dan inovasi yang telah dilaksanakan telah dianalisis bagi menentusahkan keberkesanan dan sejauh mana inisiatif penjenamaan semula penguatkuasaan ini dapat menyumbang kepada faktor kejayaan pencapaian standard dan horizon baru penguatkuasaan bahan batuan di negeri Perak. Perspektif kajian ini pula mengkhususkan kepada pandangan warga pentadbiran tanah dan pemegang taruh di peringkat jabatan, negeri dan persekutuan.

1.2 Penyataan Masalah

Menurut Jaafar (2005), kegiatan perlombongan pasir yang diusahakan tanpa pengawalan dan penyeliaan yang berkesan akan mewujudkan kesan negatif ke atas tanah, persekitaran dan sosio ekonomi. Dari aspek ekonomi, isu kelemahan penguatkuasaan khususnya penguatkuasaan syarat dan peraturan pemindahan bahan batuan akan mengakibatkan Pihak Berkuasa Negeri tidak dapat mengutip royalti bahan batu yang sepatutnya sebagai salah satu hasil negeri (Jaafar, 2005).

Pelbagai isu seperti kecurian pasir serta laporan ketirisan hasil royalti bahan batuan boleh memalut imej buruk dan persepsi kelemahan integriti terhadap Pihak Berkuasa Negeri. Selain impak negatif terhadap kutipan hasil, operasi penguatkuasaan yang tidak memuaskan ini telah memberi kesan terhadap alam sekitar seperti hakisan tebing sungai, perubahan rupa bentuk permukaan tanah, kerosakan jalan raya dan gangguan seperti bising, jalan berhabuk dan keselamatan penduduk (Jabatan Audit Negara Malaysia, 2009)

Media cetak dan media elektronik juga turut melaporkan isu-isu penguatkuasaan bahan batuan dan kelemahan dari sudut penguatkuasaan terhadap perundangan berkaitan tanah. Petikan laporan MStar bertarikh 24 September 2010 melaporkan bahawa pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan bahawa Malaysia berhadapan kemungkinan kerugian sebanyak RM 157 juta setahun jika aktiviti curi pasir tidak dikawal dan terus berleluasa di dalam negara. Selanjutnya, SPRM turut menyatakan bahawa negara akan ditimpa banyak impak negatif akibat kecurian dan penyeludupan pasir yang menggunakan jalan laut dan darat. Ini menunjukkan bahawa isu kelemahan penguatkuasaan perundangan tanah yang membabitkan industri bahan batuan telah menjadi satu isu nasional dan memerlukan tindakan proaktif segera.

Di peringkat pentadbiran negeri pula, kerugian yang dialami akibat kes kecurian bahan batuan merupakan masalah yang sering dihadapi oleh kerajaan negeri. Sebagai contoh, negeri-negeri yang mempunyai hasil bahan batuan yang tinggi seperti Perak, Selangor dan Pahang seringkali berhadapan dengan

permasalahan ini yang menyebabkan kerugian dari segi kutipan royalti bahan batuan. Menurut Laporan Berita Harian bertarikh 24 Disember 2013 menyatakan bahawa Perak telah kerugian lebih RM10 juta akibat kes kecurian pasir yang membabitkan kawasan seluas 150 hektar di kawasan Chenderiang dan Temoh Stesen, Daerah Batang Padang (Anon., 2013). Kerugian yang ditanggung oleh kerajaan negeri bukan sahaja akibat pengeluaran pasir tanpa doket kebanyakannya ke negeri Selangor, malah membabitkan kegiatan memalsukan dokumen dengan cara meminda maklumat bagi mengaburi anggota Penguatkuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG Perak).

Tahap keseriusan senario pemindahan bahan batuan negeri Perak turut disokong dengan bukti Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan berdasarkan pengauditan di Negeri Perak pada tahun 2009. Laporan rasmi oleh Jabatan Audit Negara Malaysia ini mendedahkan bahawa secara keseluruhannya, aktiviti pengambilan pasir di negeri Perak adalah tidak memuaskan dari aspek penguatkuasaan kerana berlaku banyak kes pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh agensi penguatkuasa (Jabatan Audit Negara Malaysia, 2009). Bagi mengatasi kelemahan tersebut, pihak Audit juga telah mengesyorkan agar jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung terhadap aktiviti pengambilan pasir iaitu Pejabat Tanah dan Galian, Pentadbir Tanah Daerah serta agensi teknikal yang terlibat mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi mengatasi masalah ini.

Sebagai mengambil langkah proaktif bagi menangani isu tersebut, pentadbiran tanah negeri Perak melalui Bahagian Penguatkuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak telah melaksanakan beberapa inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan. Antara inovasi utama yang diperkenalkan adalah mewujudkan beberapa cabang unit pasukan taktikal khas seperti "*Flying Squad*" dan pasukan intipan bahan batuan, menjalankan penguatkuasaan berfokus melalui sekatan jalan raya di kawasan titik panas, inisiatif baru pengumpulan data secara efektif di kawasan permit dan terakhir ialah mewujudkan inovasi *Command Centre* di negeri Perak yang berpusat di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Maka, persoalan kajian yang telah diketengahkan oleh pengkaji adalah berhubung dengan kejayaan pelaksanaan inovasi Permit 4C serta faktor-faktor kejayaan inovasi yang telah terbukti keberkesannya dan telah menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat negeri dan kebangsaan. Namun, tidak dinafikan, dalam konteks pemantapan penambaan berkeajaan, terdapat faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada kejayaan pelaksanaannya. Faktor-faktor kejayaan berkeajaan perlu dikaji sebagai panduan kepada agensi pelaksana yang lain. Oleh yang demikian, bertitik tolak dari persoalan kajian tersebut, kajian ini akan memfokus kepada pengenalpastian inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan penjenamaan semula penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan yang telah dilaksanakan di Negeri Perak dan masih digunapakai sehingga ke hari ini.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah memperkasakan pelaksanaan inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) di pentadbiran tanah.

1.4 Objektif Kajian

Halatuju kajian ini dapat direalisasikan melalui penetapan objektif kajian. Bagi mencapai matlamat penulisan kajian ini maka dua objektif telah dibentuk iaitu :

- a) Mengenalpasti inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C).
- b) Mengkaji penjenamaan semula Penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) melalui inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi.

1.5 Skop Kajian

Tumpuan kajian akan mengfokuskan kepada pelaksanaan inovasi penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Permit 4C) khususnya yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG) dan semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di pentadbiran tanah negeri Perak. Seterusnya, penekanan akan diberikan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan inovasi dan program penjenamaan semula yang telah dijalankan serta impak inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi dalam penambahbaikan kaedah penguatkuasaan dan pengurusan bahan batuan di negeri Perak.

Terdapat beberapa penulis terdahulu yang telah menerbitkan kajian di dalam badan ilmu berkaitan perundangan dan penguatkuasaan pentadbiran tanah. Akan tetapi, elemen yang dianalisa adalah dari sudut permasalahan tindakan penguatkuasaan sedia ada yang dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan di Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Pengarah Tanah dan Galian terhadap kesalahan-kesalahan di dalam KTN. Antara kajian yang menyentuh secara langsung pemindahan bahan batuan adalah dari Rosasnizah Binti Mohamad Zain (2013) iaitu berkaitan punca kemerosotan hasil royalti bahan batu serta cadangan langkah-langkah dalam pengawalan perlombongan pasir bagi tujuan mengekalkan pendapatan dan Siti Normala Binti Salleh (2014) yang telah mengkaji pembangunan sistem pengurusan permit pengeluaran pasir di Pejabat Tanah Dan Daerah dengan menggunakan aplikasi GIS (Salleh, 2014).

Dalam konteks negeri Perak, terdapat kajian mengenai implikasi perbezaan perundangan ke atas aktiviti perlombongan yang telah menyebabkan pelbagai kesan terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan oleh pentadbiran tanah (Ayub, 2016). Dari sudut perundangan tanah, terdapat banyak kajian lepas yang telah menganalisa berkaitan pencerobohan tanah kerajaan, penguatkuasaan langgar syarat tanah dan kesalahan-kesalahan berkaitan hakmilik yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Majoriti kajian yang telah dilaksanakan adalah mengfokuskan kepada kajian permasalahan, punca dan pernyataan masalah sesuatu isu ketidakpatuhan terhadap

kehendak perundangan. Selanjutnya, penulis-penulis terdahulu juga telah mencadangkan beberapa penemuan berhubung penambahbaikan dan langkah-langkah mitigasi masalah berdasarkan pandangan serta perspektif bidang tugas responden yang terlibat.

Penulis Yuni Rama Yanti binti Haji Tono (2010) telah menyumbang kajian berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan tindakan penguatkuasaan oleh Unit Penguatkuasaan. Perbezaan utama di antara kajian beliau dengan kajian ini adalah dari segi skop kajian. Skop kajian beliau adalah mengfokuskan kepada masalah-masalah yang timbul dan cara penyelesaiannya berdasarkan pandangan dan cadangan oleh responden (Tono, 2010). Manakala kajian ini pula mengkhususkan kepada skop kajian iaitu inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti diiktiraf keberkesanannya di peringkat jabatan, negeri dan kebangsaan. Perbezaan ketara dan keunikan yang akan dibawa oleh penulis di dalam kajian ini berbanding kajian-kajian lepas adalah fokus kajian yang terarah kepada penambahbaikan aktiviti penguatkuasaan proaktif yang telah terbukti dapat menyumbang kepada penjenamaan semula Unit Penguatkuasaan melalui inisiatif penguatkuasaan berasaskan inovasi.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini secara amnya dapat memberikan manfaat kepada tiga pihak iaitu warga pentadbiran tanah khususnya pihak PTG dan PDT, orang awam dan Pihak Berkuasa Negeri serta Kerajaan Persekutuan.

1.6.1 Pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah

Pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah dan Tanah akan memperoleh manfaat selaku pembuat keputusan dan memastikan aktiviti penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan khususnya dan tindakan

pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang tanah amnya dilaksanakan secara proaktif dan efisien. Hasil dapatan daripada kajian ini juga dapat membantu mempertingkatkan kompetensi anggota penguatkuasa dalam melaksanakan tugas secara holistik dan berkesan melalui penguatkuasaan berasaskan inovasi. Penguatkuasaan yang berkesan dan proaktif dapat memastikan kutipan royalti Permit 4C dapat dikutip dengan maksima seterusnya mengekalkan entiti pentadbiran tanah sebagai sebuah badan urustadbir tanah yang berintegriti.

1.6.2 Orang Awam

Orang awam adalah pihak pemegang taruh yang terbesar dalam konteks pengawalseliaan sumber bahan batuan terutamanya di dalam industri perlombongan pasir ini. Kajian ini dapat memberikan pencerahan berkenaan perundangan dan penguatkuasaan sumber hasil bumi iaitu bahan batuan melalui pengeluaran Permit Pemindahan Bahan Batuan. Selain itu, orang awam juga dapat mendapat gambaran tentang usaha-usaha kawalan dan aktiviti penguatkuasaan pengeluaran bahan batu bagi tujuan komersial. Kajian ini juga dapat memberi pemahaman dan mendidik orang awam tentang pelbagai undang-undang serta tanggungjawab dalam mengawal selia industri perlombongan pasir yang lestari.

1.6.3 Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan

Kajian yang dilaksanakan ini dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan mengutip hasil royalti yang tinggi dengan cekap seterusnya meningkatkan kualiti urustadbir negeri dan negara. Aktiviti penguatkuasaan yang cekap, proaktif dan berkesan berasaskan inovasi dapat menjadi pemangkin terbaik bagi menghasilkan kerajaan yang berintegriti.

1.7 Susunatur Bab

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab yang merangkumi bab pengenalan, penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan, metodologi kajian, kajian kes iaitu operasi industri pemindahan bahan batuan di negeri Perak, analisis kajian dan akhir sekali kesimpulan dan cadangan.

1.7.1 Bab Satu – Pengenalan

Bab yang pertama merupakan mukadimah kepada penulisan kajian ini. Secara ringkasnya, peringkat ini merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan. Pada permulaannya, fasa pendahuluan telah membentuk pemahaman dasar di dalam industri pemindahan bahan batuan di negeri Perak. Kemudian, pernyataan masalah telah diwujudkan melalui pengumpulan isu-isu yang timbul daripada industri pemindahan bahan batuan ini. Seterusnya, matlamat dan objektif telah ditetapkan bagi menetapkan halatuju kajian ini berdasarkan skop kajian yang ditetapkan. Hasil daripada dapatan kajian ini telah disintesis kepada kepentingan kajian ini dilaksanakan dan sumbangannya terhadap badan ilmu yang berkaitan. Akhir sekali, susunatur bab akan memberi penerangan diskriptif terhadap setiap bab di dalam keseluruhan kajian ini.

1.7.2 Bab Dua – Kebolehlaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang

Bab kedua ini iaitu kajian literatur, pemahaman yang lebih mendalam diwujudkan meliputi definisi penguatkuasaan dari sudut perundangan dan konsep-konsep penguatkuasaan sedunia. Seterusnya, kajian ini turut mengkaji kejayaan amalan-amalan penguatkuasaan di luar negara bagi mendapatkan pemahaman mendalam berkenaan faktor-faktor kejayaan dan penjenamaan semula proses penguatkuasaan yang telah dilaksanakan. Kemudian, kajian ini turut menyentuh beberapa contoh kejayaan penguatkuasaan di Malaysia bagi mendapatkan

pencerahan dari aspek faktor-faktor kejayaan penjenamaan semula penguatkuasaan di dalam dan luar negara.

1.7.3 Bab Tiga – Metodologi Kajian

Bab ketiga menerangkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Kaedah yang diterangkan adalah merangkumi kaedah dapatan dan pengumpulan data serta kaedah analisis kajian. Peringkat pengumpulan data berkaitan penguatkuasaan berasaskan inovasi dijalankan melalui kaedah pengumpulan informasi dan maklumat dari data primer dan data sekunder. Ianya bertujuan bagi mencapai objektif kajian dan kriteria kajian yang telah ditetapkan. Data primer diperolehi daripada proses temubual responden yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam industri perlombongan pasir ini iaitu anggota penguatkuasa dan pegawai atasan PTG dan PDT di negeri Perak, pihak pemegang permit dan operator lombongan pasir, pihak penguatkuasa beruniform seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta EXCO Kerajaan Negeri Perak bagi mewakili Pihak Berkuasa Negeri.

1.7.4 Bab Empat – Penguatkuasaan dan Inovasi Permit 4C Negeri Perak

Bab keempat pula menerangkan mengenai kawasan kajian kes iaitu Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak serta Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh negeri Perak yang mengawal syarat-syarat operasi pemindahan bahan batuan.

Latar belakang kawasan kajian telah dimuatkan dalam bab ini. Ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada para pembaca supaya lebih mengenali kawasan kajian penulis sebelum mendalami bahagian analisis dan penemuan kajian. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai peranan dan tanggungjawab Unit Penguatkuasa pentadbiran tanah negeri Perak dalam melaksanakan suatu tindakan

RUJUKAN

- Anon. (24 Disember, 2013). Retrieved from www.bharian.com.my:
https://www.bharian.com.my/bharian/articles/Eksklusif_PerakrugirM10jutak_escuripasir/Article/index_html?fbclid=IwAR0KAQYB3rly
- Ascher, W. (1999). Why Governments Waste Natural Resources: Policy Failures in Developing Countries. *The Johns Hopkins University Press*.
- Ayres, I., & Braithwaite, J. (1992). *Responsive Regulation: Transcending the Deregulation Debate*. New York: Oxford University Press.
- Ayub, K. b. (2016). *Implikasi Perbezaan Perundangan Ke Atas Aktiviti Perlombongan di Negeri Perak*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baldwin, R., & Anderson, J. (2002). *Rethinking Regulatory Risk*. London: London School of Economics and Political Science.
- Bardach, E., & Kagan, R. A. (1982). Going by the Book: The Problem of Regulatory Unreasonableness. *Canadian Journal of Political Science*, 189-190.
- Black, H. C. (2009). *Black's Law Dictionary*. St. Paul, MN: West.
- Brehm, S., & Brehm, J. (1981). *Psychological Reactance: A Theory of Freedom and Control*. New York: Academic Press.
- Choi, K. W., Chen, X., Wright, S., & Wu, H. (2016). Responsive Enforcement Strategy and Corporate Compliance with Disclosure Regulations.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur.
- Echo, I. (16 January, 2016). *Ipoh Echo*. Retrieved from www.ipohecho.com.my:
<http://www.ipohecho.com.my/v4/article/2016/01/16/openings-and-opportunities-in-perak-2016-and-beyond>
- Gunningham, N. (2011). Enforcing Environmental Regulation. *Journal of Environmental Law*, 6-9.
- Gunningham, N. (2017). Compliance, Enforcement, and Regulatory Excellence.
- Gunningham, N., & Grabosky, P. (1998). *Smart Regulation: Designing Environmental Policy*. Oxford: Clarendon Press.
- Hamzah, H. (2001). *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.

- Hanan, M. R. (2018). *Program Pemutihan Pencerobohan Tanah Kerajaan Oleh Pengusaha Tanah Pertanian di Cameron Highland*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Holthausen, R. W. (2009). Accounting Standards, Financial Reporting Outcomes, and Enforcement. *Journal of Accounting Research*, 447-449.
- Hornby, A. S. (2015). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Jaafar, W. S. (2005). *Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai dan Kesannya Kepada Penduduk Sekitar. Kajian Kes: Mukim Seberang Pasir Mas, Salor, Kota Bahru*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Audit Negara Malaysia. (2009). *Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009*. Putrajaya.
- Jasmi, K. A. (2016). *Amar Makruf Nahi Mungkar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kagan, R. A., Gunningham, N., & Thornton, D. (2003). Explaining corporate environmental performance: How does regulation matter? *Law & Society Review*, 51-90.
- Karim, N. b. (2011). *Peranan dan Fungsi Bahagian Penguatkuasaan Dalam Menangani Gejala Maksiat : Satu Kajian di Jabatan Agama Islam Shah Alam, Selangor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kuperan, K., & Sutinen, J. G. (1998). Blue Water Crime: Deterrence, Legitimacy, and Compliance in Fisheries . *Journal of the Law and Society Association*, 309.
- Langbein, L., & Kerwin, C. M. (1985). Implementation, Negotiation and Compliance in Environmental and Safety Regulation. *The Journal of Politics*.
- Mascini, P. (2013). Why was the enforcement pyramid so influential? And what price was paid? *Regulation & Governance* , 48-50.
- McNeilly, F. (1968). *The Enforceability of Law*. Wiley.
- Muhammad, N. b. (2000). *Penyitaan Dan Penguatkuasaan*. Skudai: Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nekmat, K. B. (2003). *Kajian Perbandingan Amalan Pengurusan Serta Pengawalan Pengeluaran Bahan Batuan (Pasir)*. Skudai: UTM.

- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2013). *Best Practice Principles For Improving Regulatory Enforcement and Inspections*. Paris, France: www.oecd.org.
- Rahman, H. R. (2000). *Pencerobohan Tanah Kerajaan di Negeri Johor: Masalah Pelaksanaan Tindakan Penguatkuasaan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ratcliffe, J. (2008). *Intelligence-Led Policing*. Portland: Willan Publishing (UK).
- Roe, M., & Jackson, H. E. (2009). Public and Private Enforcement of Securities Laws: Resource-Based Evidence. *Discussion Paper No. 638*. Cambridge: Harvard Law School.
- Salleh, S. N. (2014). *Pembangunan Sistem Pengurusan Permit Pengeluaran Pasir di Pejabat Tanah dan Daerah dengan Menggunakan Aplikasi GIS*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Salmond, J. W. (1947). *Jurisprudence*. Toronto: Carswell Company, Limited.
- Simpson, S. S. (2002). *Corporate crime, law, and social control*. Cambridge University Press.
- Sivanesan, G. (5 April, 2019). Pencapaian kutipan royalti bahan batuan. (A. F. Halmi, Interviewer)
- Stanley Becker, G. (1968). Crime and Punishment: An Economic Approach. *Journal of Political Economy*, 169.
- Straus, S. G., Bikson, T. K., Balkovich, E., & Pane, J. F. (2010). Mobile Technology and Action Teams: Assessing BlackBerry Use in Law Enforcement Units. *Computer Supported Cooperative Work (CSCW)*, 43-48.
- Tono, Y. R. (2010). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Tindakan Penguatkuasaan oleh Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah*. Skudai: UTM.
- Tyler, T. R. (2004). Enhancing Police Legitimacy. *The annals of the American academy of political and social science*, 84-99.
- Wood, C., Ivec, M., Job, J., & Braithwaite, V. (June, 2010). Applications of Responsive Regulatory Theory in Australia and Overseas. *Occasional Paper 15*.
- Zain, R. B. (2013). *Langkah-Langkah dalam Pengawalan Perlombongan Pasir Bagi Tujuan Mengekalkan Pendapatan*. Skudai: UTM.